

03 NOVEMBER 2017

Kastam rampas 20k serbuk ketamin didakwa kunyit

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

Kastam rampas 20kg serbuk ketamin didakwa kunyit

Nilai: Cubaan seorang pemilik pusat karaoke, menyeludup dadah dipercayai ketamin, yang didakwa sebagai kunyit dalam bagasinya, terperangkap dalam pemeriksaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (Penguatkuasaan/Pematuhan), Datuk Zulkifli Yahya, berkata ketika ditahan, lelaki berusia 37 tahun itu mendakwa serbuk yang ditemui dalam bagasinya adalah kunyit yang dibeli di India.

"Hasil maklumat diterima oleh

JKDM, suspek yang menaiki penerbangan dari Mumbai, ditahan sejurus tiba di KLIA pada jam 10.45 pagi pada 13 Oktober lalu.

"Pemeriksaan pada bagasi yang dibawa suspek menemui dua bungkus serbuk berwarna coklat. Dia mendakwa bahan berkenaan adalah serbuk kunyit yang dibelinya di sebuah pasar raya di Mumbai untuk dijadikan campuran minuman kesihatan.

"Bagaimanapun, ujian saringan Jabatan Kimia mengesahkan serbuk itu dipercayai mengandungi dadah jenis ketamin seberat 20 kilogram," katanya pada sidang me-

dia di Cawangan Narkotik JKDM, Kampung Jijian, di sini, semalam.

Suspek direman 14 hari

Zulkifli berkata, hasil soal siasat mendapati suspek yang memiliki sebuah pusat karaoke di ibu negara, sudah empat kali berulang-alik ke Mumbai sepanjang tahun ini, dipercayai bagi tujuan sama.

Katanya, suspek direman selama 14 hari sehingga Isnin depan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahannya.

Zulkifli (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang media di Cawangan Narkotik JKDM, Kampung Jijian, Nilai, semalam.